

22 JAN 2003

Mahathir-Kaherah

MESIR MINAT PELAJARI CARA PEMBANGUNAN MALAYSIA

KAHERAH, 22 Jan (Bernama) -- Mesir menyatakan minat untuk mempelajari cara pembangunan Malaysia termasuk program-program yang diadakan untuk mengurangkan kemiskinan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar

Perkara itu dibangkitkan pada pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Mesir, Dr Atef Muhammad Muhammad Ebeid di sini.

Dr Mahathir sedang melakukan lawatan kerja tiga hari ke negara Afrika utara ini.

Syed Hamid berkata Kaherah juga ingin mengetahui bagaimana Malaysia melahirkan banyak industri dan cara ia membangunkan teknologi maklumat.

"Perdana Menteri berkata apa yang patut kita buat ialah bertukar-tukar maklumat serta pengalaman dan saling mempelajari daripada kekuatan masing-masing," katanya kepada pemberita di sini.

Kedua-dua pemimpin turut menyentuh usaha meningkatkan hubungan dua hala terutamanya di bidang perdagangan.

Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan dengan Presiden Hosni Mubarak dan Sheikh Al Azhar Dr Mohammad Sayed Tantawi.

Perdana Menteri juga menyampaikan ucapan tentang penyatuan ummah atas jemputan Universiti Al Azhar di hadapan para cendekiawan dan penuntut Islam antarabangsa di universiti berkenaan.

Beliau dijangka berlepas ke Switzerland awal pagi esok (Khamis).

-- BERNAMA

MAM PR